

No. Ruj. : (18) PSMB/20/8 kulit

Tarikh: 1 Jun 2021

PEKELILING MAJIKAN BIL. 5/2021

PENGECUALIAN PEMBAYARAN LEVI PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA UNTUK BULAN JUN 2021 KEPADA MAJIKAN DI BAWAH SEMUA INDUSTRI YANG TERKESAN OLEH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN MULAI 1 JUN 2021

1. TUJUAN

- 1.1. Tujuan Pekeliling ini adalah untuk memaklumkan majikan berdaftar mengenai pengecualian pembayaran levi Pembangunan Sumber Manusia untuk bulan Jun 2021 bagi semua Industri yang terkesan oleh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 1 Jun 2021.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1. Pada 31 Mei 2021 yang lalu, dalam ucapan bantuan ekonomi PEMERKASA Plus, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa majikan dari semua Industri yang terkesan oleh PKP yang dilaksanakan pada 1 Jun 2021 adalah dikecualikan daripada pembayaran levi Pembangunan Sumber Manusia untuk bulan Jun 2021.
- 2.2. Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia dengan kuasa di bawah Seksyen 19 Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad 2001 (Akta 612), telah mengecualikan pembayaran levi Pembangunan Sumber Manusia untuk bulan Jun 2021 kepada semua majikan berdaftar di bawah Akta ini.

3. MAJIKAN YANG LAYAK

- 3.1. Semua majikan berdaftar di bawah Human Resource Development Corporation (HRD Corp) adalah dikecualikan daripada pembayaran levi mandatori di bawah Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad 2001.

4. TEMPOH PENGECUALIAN

4.1. Semua majikan berdaftar adalah dikecualikan dari membayar levi untuk bulan Jun 2021. Majikan yang berdaftar sebelum 1 Mac 2021 diwajibkan membayar semula caruman levi bulan Julai 2021 selewat-lewatnya pada atau sebelum 15 Ogos 2021.

5. PEMBAYARAN LEVI TERTUNGGAK

5.1. Pengecualian ini tidak termasuk pembayaran levi tertunggak. Majikan yang mempunyai tunggakan dalam pembayaran levi hendaklah terus membayar levi tertunggak tersebut dengan secepat mungkin bagi mengelakkan pengenaan faedah yang lebih tinggi

6. PERMOHONAN GERAN LATIHAN

6.1. Walaupun majikan dikecualikan daripada membayar levi bulan Jun 2021, namun majikan masih layak untuk memohon geran latihan dan menggunakan baki levi yang masih ada dalam akaun masing-masing. Oleh yang demikian, majikan adalah digalakkan untuk memohon geran latihan dan terus menghantar pekerja mereka untuk mengikuti latihan kemahiran.


7. PENUTUP

7.1. Untuk sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi Pusat Panggilan kami di talian 1800 88 4800 atau e-mel ke support@hrdcorp.gov.my.my / levysupport@hrdcorp.gov.my.

Sekian, terima kasih.

Delivering Quality, Developing Excellence
Pembudayaan Norma Baharu dalam Dunia Pekerjaan Sejagat

Yang benar,



DATUK SHAHUL DAWOOD

Ketua Eksekutif

Human Resource Development Corporation